

# SMK Labuan Raih Gangsa dalam National Wind Orchestra Festival 2017



**17hb Julai** – SMK Labuan meraih pingat gangsa dalam pertandingan National Wind Orchestra Festival 2017 yang telah di adakan pada 12hb hingga 15hb Julai 2017 bertempat di Dewan Tuanku Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) . Pertandingan ini dianjurkan oleh Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI dengan kerjasama Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia.

Matlamat utama kontinjen SMK Labuan menyertai pertandingan ini adalah bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman bermakna dalam mengembangkan bakat, minat dan kreativiti melalui aktiviti muzikal yang positif. Sebanyak 13 pasukan yang bertanding dan SMK Labuan diwakili oleh 27 orang pelajar dan 2 orang guru. Pasukan SMK Labuan diketuai sendiri

oleh gurunya, Cikgu Mary Teng Howe Hui dan merupakan konduktor okestra SMK Labuan dalam pertandingan pada kali ini. Cikgu Lui Teck Huoy turut mengiringi pasukan okestra tersebut.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail bin Abdullah melahirkan rasa syukur, gembira dengan komitmen yang diberikan oleh pelajar-pelajar dan guru-guru serta ibu bapa yg sentiasa memberi sokongan kepada anak-anak mereka. Beliau berharap agar pasukan Concert Band SMK Labuan semakin mantap dan dapat mencapai tahap perak dan emas dalam tempoh 3 tahun dari sekarang.

